

# **FALSAFAH MISTIK SINKRETISME: PENELITIAN TERHADAP STRUKTUR SEGI EMPAT PADA ILUSTRASI VISUAL DALAM MANUSKRIPT “PELAGA LEMBU”**

*(Mystical Philosophy of Syncretism: Research on Rectangular Structures in the Visual Illustrations of the “Pelaga Lembu” Manuscript)*

*Shahrul Anuar Shaari\**

shahrul\_anuar@usm.my

Pusat Pengajian Seni, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia.

*Mohammad Khizal Mohamed Saat*

mkhizal@usm.my

Pusat Pengajian Seni, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia.

Rujukan artikel ini (*To cite this article*). Shahrul Anuar Shaari dan Mohd Khizal Mohamed Saat. (2023). Falsafah mistik sinkretisme: Penelitian terhadap struktur segi empat pada ilustrasi visual dalam manuskrip “Pelaga Lembu”. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 16(1), 79–104. [https://doi.org/10.37052/jm.16\(1\)no4](https://doi.org/10.37052/jm.16(1)no4)

Peroleh: <i>Received:</i>	26/8/2022	Semakan: <i>Revised</i>	3/10/2022	Terima: <i>Accepted:</i>	13/12/2022	Terbit dalam talian: <i>Published online:</i>	1/1/2023
------------------------------	-----------	----------------------------	-----------	-----------------------------	------------	--	----------

## **Abstrak**

Dimensi kesenian tradisi alam Melayu terkenal dengan kepelbagaiannya unsur kepercayaan mistik sinkretisme, sekali gus mencerminkan wajah pemikiran akal budaya masyarakat setempat. Amalan yang bercampur baur dan merentas budaya ini dimanifestasikan dalam setiap disiplin ilmu melalui sistem tanda visual yang telah lama wujud sehingga menimbulkan kekeliruan antara yang benar dan batil. Kajian dalam konteks seni visual ini akan melibatkan beberapa struktur asas segi empat dalam amalan menterjemahkan imejan visual, khususnya kesan ilusi optikal yang terdapat pada ilustrasi visual tanda bab dan wafak dalam manuskrip “Pelaga Lembu” dari Kelantan-Patani, simpanan Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia. Sistem tanda dan makna pada elemen ini diinterpretasi menerusi kaedah teoritikal daripada kerangka Semiotik Model Inderalogi. Setiap kerangka

atas segi empat yang menjadi struktur pengukuhan komponen visual dicerakinkan dalam galur ilmu pengetahuan bersifat langka. Bagi mengimbangi pengaruh konsep mistik sinkritisime dalam meterial kesenian tradisi secara ilmiah, maka pengkaji turut melihat pengertian makna unsur ini menerusi pelbagai perspektif budaya yang pernah mendiami budaya Melayu. Hasil kajian mendapati bahawa berlaku pertindihan nilai makna berganda daripada laras falsafah *Pythagoras*, tasawuf, Hindu-Buddha, *Kabbala*, animisme dan pengaruh *Israiliyat*, telah diolah dan diterima secara sistematik menjadi teras akal budi dan sebatи.

Kata kunci: Segi empat, sinkretisme, mistikal, ilustrasi visual, struktur, manuskrip alam Melayu.

### ***Abstract***

*The dimension of traditional arts in the Malay world is famous for its diversity of elements of mystical syncretism. At the same time, it reflects the local community's intellectual and cultural thinking. This intermingled and cross-cultural practice is manifested in every discipline through a visual sign system that has existed for a long time until it has caused confusion between what is true and false. This study in the context of visual arts will involve several basic structures of the square in the practice of translating visual imagery, in particular the optical illusion effect of the visual illustration of chapter marks and wafak found in the Pelaga Lembu manuscript from Kelantan-Patani, kept by the National Centre for Malay Manuscripts, National Library of Malaysia. The sign and meaning system of this element is interpreted using theoretical methods from the semiotic framework of the Inderalogic Model. Each basic frame of the square that becomes the reinforcement structure of the visual component is separated in the strain of rare knowledge. In order to scientifically balance the influence of mystical syncretism and the material of traditional arts, the researcher also looked at the meaning of this element through various cultural perspectives that once inhabited Malay culture. The results of the study found that there is an overlap of double meaning values from Pythagorean philosophy, Sufism, Hinduism and Buddhism, Kabbalah, animism and Israelite influences, which have been processed and accepted systematically into the core of common sense and integration.*

**Keywords:** *Square, syncretisme, mythical, visual illustration, structure, Malay manuscript*

## **PENDAHULUAN**

Fenomena pertembungan nilai kefahaman dan kepercayaan menerusi aspek estetika seni premis tradisi sering mengundang pelbagai dimensi pentakrifan oleh ilmuwan bidang budaya, seni dan agama. Acap kali bidang falsafah seni mengupas kewujudan sesuatu imejan mula terjadi dan dibentuk untuk dijadikan bahan tatapan penghayat,

sama ada keindahan lapisan zahir hinggalah hubungan makna dalam konteks etimologi dan epistemologi, di samping untuk tujuan komunikasi. Nilai konflik pada konsep persembahan visual sering dibincangkan bersabit dengan identiti, gaya, daerah, limitasi, peranan elemen, prinsip dan faktor pengaruh sebelum dan ketika proses aktiviti pelukisan terjadi. Segala rangkuman daripada unsur budaya, adat resam dan kepercayaan yang mendiami pemikiran seniman tradisi diterjemahkan bagi mewakili wajah dan mindanya. Dasar ini akan menjadi semakin kompleks sehingga merentas dimensi mistik dan magis.

Pemikiran budaya saling berhubung dengan budaya lain dalam pelbagai dimensi kandungan. Oleh itu, kemunculan struktur asas segi empat dalam rekaan bukanlah sesuatu yang asing dalam konteks material kebudayaan di seluruh dunia. Secara etimologi, segi empat hadir secara visual daripada sistem pengiraan matematik angka empat, iaitu garisan yang bertemu pada empat sisi bahagian mula dan hujung. Pengertian angka dalam konteks numerologi sering ditandai dengan nilai simbolik yang mempunyai pengaruh besar dalam hal mengatur sistem kehidupan.

Hal ini bersangkut paut dengan kepercayaan ghaib, ketuhanan atau mistik apabila disesuaikan dengan sistem pengiraan alfanumerik, huruf dalam rangkaian perkataan atau nama. Interpretasi secara simbolik memperlihatkan komponen nombor mewakili lebih makna daripada unit kuantiti, malah mempunyai kualiti. Bagi ahli matematik Yunani, iaitu Pythagoras, menyatakan bahawa nombor genap mewakili ciri-ciri feminin, boleh dibahagikan kepada dua bahagian yang sama dan pasif, manakala angka ganjil mewakili ciri-ciri maskulin dan aktif (Zeinab, 2012). Oleh itu, masyarakat Yunani meletakkan angka empat sebagai entiti misteri kerana bertindak sebagai pelengkap melalui kiraan akhir kepada angka sepuluh, malah kuasa kepada angka sepuluh juga terletak pada angka empat ( $1+2+3+4=10$ ) (Hemenway, 2008). Orang Mesir kuno menggunakan angka berbentuk visual sebagai kaedah berkomunikasi (Schimmel, 2004).

## HUBUNGAN MAKNA DALAM KONTEKS BUDAYA KESENIAN TRADISI.

Menurut Syed Ahmad (1992) dalam *Rupa dan Jiwa*, seni rupa Melayu sebagai jambatan realiti zahir kepada batin, iaitu sebuah rupa yang menjadi cerminan budaya masyarakat pendukungnya. Lantaran itu, seni ialah manifestasi pemikiran dan budaya hidup merangkumi segala tatacara pengelolaan komponen dalam kehidupan, berakhir menjadi tabii dalam ruang kebudayaan. Unsur tersurat dan tersirat daripada material kesenian (artifik) berkomunikasi secara simbolik, secara metafora, falsafah, semiotik melalui kepelbagaiannya ragam imejan yang kaku dan bisu.

Seyyed Hossein (1997) menyatakan bahawa kesenian dalam sistem tradisi lebih berfungsi membawa pengetahuan suci dan sakral melalui premis kepercayaan dan keyakinan falsafah yang telah dipegang sekian lama oleh kelompok masyarakatnya.

Segala bentuk imejan seni mengandungi isi atau makna tertentu bertautan dalam bidang sains kosmik dan terhasil daripada karakter batin pelakunya (pengarang-pelukis). Secara refleksi, kesenian alam Melayu merupakan manifestasi tindakan berkeyakinan pada sistem keagamaan melalui cermin kanta (medium) bagi melihat perlakuan yang bermanfaat dalam adat dan budaya.

Bennabi (1988) dalam *Islam and History of Society* menjelaskan bahawa nilai dalam kehidupan itu terjadi secara kolaborasi daripada pelbagai nilai yang sedia dialami oleh individu yang membentuk masyarakatnya. Di sini kepelbagaiaan unsur yang terjadi umpama “padan dan suaikan” dengan nilai dalam rencam budaya setempat. Proses asimilasi pemikiran kebudayaan ini tanpa sedar mencemarkan nilai tulen keagamaan yang bersih dan suci. Lebih-lebih lagi, terjadi disebabkan saki baki pemikiran tradisi yang bercampur-baur antara mazhab anutan hingga sukar membandingbezakan antara kebenaran asli atau palsu. Secara tidak langsung, pada premis ini pemikiran sinkretisme akan terbina secara beransur-ansur. Maka, sumber daripada pemikiran ini diterima secara kolektif sebagai bahan mentah atau idea yang diterjemahkan dalam bentuk objek fizikal, malah sebagai cerminan gaya atau stilistik seni yang sudah tidak dapat ditapis atau dibezaikan lagi.

Dimensi kefahaman konsep kebudayaan Melayu dipegang sehingga meliputi apa-apa sahaja komponen dalam masyarakat sama ada pemikiran, alatan dan pengucapan (Wan Abdul Kadir & Zainal Abidin, 2006). Maka, segala stigma aktiviti seniman dalam kancang tradisi turut terkesan, terutamanya dalam penggunaan terminologi mistik, magis, sakral atau ghaib mengikut konteks kepercayaan dan ciri-ciri keagamaan masing-masing. Nilai dalam ajaran keagamaan disadurkan mengikut nalar akal bagi memperlihatkan idea interaksi kesatuan pada setiap imej atau objek budaya. Hal ini seakan-akan sistem capaian dalam konsep algoritma, saling menerima kehadiran makna intrinsik tanpa perlu dinisbahkan kepada subjek tampak.

A. Aziz Deraman (2001) menyatakan bahawa dasar kebudayaan Melayu mencakupi empat bidang utama, iaitu pemikiran, kebendaan, nilai dan norma, manakala Anwar (2016) menjelaskan bahawa aspek penting dalam kebudayaan ialah etos, norma, kepercayaan, pandangan dunia, simbol dan hasil. Komponen etos atau nilai sosial yang dikongsi secara kolektif dimanifestasikan dalam bentuk perbuatan, sikap, pemikiran, idea, gagasan, inspirasi, hubungan dan cara pergaularan serta sentiasa didasari oleh pemikiran keagamaan, kepercayaan, adat, falsafah dan alam persekitaran.

Proses pembentukan objek dalam daerah kesenian dapat dilihat dengan jelas, seperti seni pembuatan produk, contohnya senjata, iaitu keris, pedang, senapang, serta produk kegunaan harian, tikar, songket, batik, rumah. Dalam genre kebudayaan seperti manuskrip yang mengandungi komponen mantera, jampi, *kertika*, ilmu ramalan, diterjemahkan dalam idea kesatuan, yakni ilustrasi visual. Selain itu, unsur mistik sinkretisme ini juga mendominasi seni persembahan, seperti mak yong, kuda kepang, wayang kulit, main puteri, wau bulan dan laga lembu.

Pengkaji melihat pemikiran yang membawa unsur ini juga muncul dalam kaedah penghasilan motif pada struktur reka bentuk ukiran pada rumah Melayu. Struktur asas reka bentuk segi empat dikembangkan gayanya dengan pendekatan metafora, mengetengahkan nilai simbolik tertentu saling bertautan antara kehendak budaya dan agama, seperti perkaitan reka bentuk bumbung rumah dengan konsep ketuhanan. Sistem kearifan daripada galur mistik dan magis ini diperkenalkan secara pewarisan. Individu yang membawa keilmuan ini digelar tukang atau pandai, merujuk istilah pandai besi, pandai tulis, pandai batik, tok dalang, jogho lembu, pawang, bomoh, dukun. Mereka berhierarki tinggi dalam masyarakat. Golongan ini sentiasa menjadi rujukan bagi mendapatkan idea penyelesaian segala permasalahan yang terjadi dalam kehidupan harian. Mereka juga menjadi penentu acara tertentu mengikut perkiraan ilmu berkaitan dengan astrologi yang melibatkan bulan, bintang, hari, hari bulan, cuaca, arah mata angin dan sebagainya. Keilmuan tradisi ini terlibat secara langsung dan dapat ditemui dalam mana-mana medium manifestasi mereka pada ketika itu (objek, teks, ilustrasi visual).

Kajian tentang falsafah mistik sinkretisme pada reka bentuk segi empat daripada sumber manuskrip “Pelaga Lembu” mempunyai objektif: Mengenal pasti makna falsafah mistik sinkretisme dalam tasawur kesenian alam Melayu, menganalisis struktur reka bentuk segi empat dalam konteks seni visual menerusi pendekatan Semiotik Model Ideralogi dan menghubungkaitkan fenomena struktur segi empat pada ilustrasi visual dalam manuskrip dengan makna falsafah mistik sinkretisme.

## **MANUSKRIPT “PELAGA LEMBU” (MS1649) SEBAGAI BAHAN KAJIAN**

Pemerhatian pengkaji pada 19 Oktober 2017 mendapati naskhah manuskrip ini dihadiahkan kepada Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia pada 23 April 1988 sebagai rekod dan penyimpanan dalam bentuk salinan imej fotografi daripada naskhah asal.<sup>1</sup> Naskhah ini mengandungi 232 halaman dengan saiz ukuran 18 x 11.5 cm; dengan purata 18 perkataan pada satu baris dan 11 baris pada satu halaman. Ukuran tebal manuskrip 6.5cm dengan gaya tulisan Jawi Kelantan-Patani. Naskhah manuskrip (MS1649) ialah sebuah naskhah bersifat tunggal, dan secara khususnya naskhah ini tidak mempunyai sebarang judul. Sebaliknya, nama judul ini “Kitab Petua Pelaga Lembu, Kerbau dan Biri-biri” diberi oleh Dato’ Nik Mohamed Nik Mohd Salleh dalam *Journal Filologi* 1992 Jilid 1. Menurut beliau manuskrip ini diperoleh daripada Encik Abdul Hamid bin Omar, salah seorang pegawai Penerangan, Pejabat Penerangan Kota Baharu pada tahun 1977. Berdasarkan keterangan Encik Hamid Omar, beliau memperoleh naskhah ini daripada salah seorang warisnya di Kampung Pasir Hor, Kota Bharu. Terdapat lebih 300 bab daripada teks menyentuh amalan perubatan, jampi mantera dan amalan ritual penyediaan lembu

laga, disokong dengan lebih 100 halaman yang mengandungi pelbagai kesan visual jin, simbol wafak, binaan, tanda bab, diagram dan elemen abjad mistik.

Skop kajian ini hanya tertumpu pada kandungan ilustrasi visual terpilih, iaitu yang mengandungi unsur segi empat pada struktur asas rekaannya. Maka, sebagai contoh dalam perbincangan, penulis mengetengahkan enam ilustrasi visual wafak *Khotam Sulaiman* yang ditemui lebih daripada 50 unit secara berasingan gaya dan teknik persempahan.

## FALSAFAH MISTIK SINKRETISME

Menurut Dudung (2004) “istilah mistikal berasal daripada kata *mystical*, bererti berkaitan dengan ghaib, ajaib, penuh rahsia dan mengandungi unsur doktrin kebatinan”. Echols dan Shadily (1996) pula menyatakan bahawa istilah *mysticism* yang bererti konsep yang jalurkan kepada fenomena tasawuf atau kebatinan. Hornby (dalam Simuh,1996) pula menyokong definisi *mysticism* sebagai, “*the teaching of belief that knowledge of Real Truth and of God may be obtained through meditation or spiritual insight, independently of the mind and the senses*”. Maka secara konsepnya, mistisisme merupakan sebuah premis pemikiran terhadap nilai keyakinan pada ajaran bagi menyatakan pengetahuan tentang kebenaran mutlak kepada Tuhan. Hal tersebut diperoleh melalui sistem atau tatacara ritual tertentu, seperti meditasi melibatkan pengalaman rohani dan tidak tercapai logik pancaindera. Menurut Endraswara (2014), nilai keabsahan galur ilmu pengetahuan ini dipelajari secara warisan kepercayaan *ngelmu*, iaitu keyakinan rahsia dalam pengalaman praktis spiritual. Dalam pengajian tasawuf kesufian untuk mencapai pengalaman ilmu ini pengamal perlu melalui proses suluk, iaitu mengasingkan diri dalam tempoh tertentu dan fokus kepada amalan mengikut aturan yang telah ditetapkan oleh aliran tarekat tertentu, seperti berzikir, solat taubat dan bermujahadah.

Lingkungan istilah mistik sinkritisme mencakupi makna “kesatuan”, berasal daripada bahasa Yunani, iaitu *syncretismos* atau *sunkretamos*, dimulakan oleh Plutarch (46-120M) seorang ahli falsafah Greek. Istilah ini muncul daripada kaedah pencantuman dua puak yang bermusuhan di Cretan. Pencantuman perbezaan kefahaman kedua-dua puak ini merapatkan jurang kerjasama antara satu sama lain bagi menghadapi musuh daripada pihak lain secara kolaborasi. Namun begitu, persepsi istilah ini telah dikritik kerana nilai sinkritisme dalam konteks ini hanya menyatukan nilai kemanusiaan. Versi takrifan istilah ini diperbaharui oleh ajaran Kristian mazhab Protestan pada abad ke-16 hingga ke-17. Takrifan moden merujuk *post-syncretism* berasal daripada *syncretism* yang bermaksud “campuran” perkara yang tidak sepadan dalam setiap doktrin magis ajaran dalam setiap mazhab.

Oleh itu, Reese (1980) meletakkan istilah ini kepada amalan falsafah pemikiran, agama dan budaya yang berbeza saling bergandingan dalam praktis kebudayaan seterusnya terjadi kompleksiti pada nilai dalam sesuatu kebudayaan. Konsep asimilasi dan penerimaan prinsip setiap amalan ini mengambil sedikit pada bahagian tertentu lalu menggandingkan sedikit pada bahagian yang lain. Perkara ini mengelirukan dan meninggalkan kesan polemik antara sesama ajaran serta dianggap bersih dari perspektif etika dan moral budaya. Dalam erti kata lain, sinkretisme mengundang kecelaruan dan kekusutan dalam nilai agama demi kelangsungan amalan budaya yang dipersetujui secara bersama.

Ros Aiza dan Che Zarrina (2015) dalam *Konsep Sinkretisme menurut Perspektif Islam*, menyatakan bahawa unsur fahaman sinkretisme telah menyebabkan berlakunya konflik dalam pengertian makna kesatuan. Antaranya termasuklah hubungan sinkretisme agama dengan agama, sinkretisme agama dengan falsafah dan sinkretisme agama dengan budaya. Tambah beliau lagi, hubungan agama dengan agama meninggalkan kesan bahawa semua agama adalah sama dan sah, perjalanan mencari kebenaran melalui satu kaedah sahaja. Oleh itu, konsep kombinasi ini menipiskan makna dan mengelirukan unsur kebenaran agama kerana tuntutan nilai kesatuan dalam amalan budaya kehidupan. Pendekatan ini diperkenalkan oleh Akbhar, pemerintah Empayar Moghul di Arga, India dan aliran ini dikenali Din-i-Ilahi. Objektif utama menjadikan semangat agama anutan manusia secara pluralisme dan hal ini jelas bertentangan dengan prinsip agama dalam Islam.

Dalam pada itu, konteks hubungan falsafah kebanyakan ahli falsafah Islam menyesuaikan idea perbezaan tersebut dengan idealisme sudut pandangan dunia (tasawur) daripada wilayah kepercayaan masing-masing dalam satu konsep kebersamaan. Hal ini bertujuan untuk mengelakkan perselisihan dan kecelaruan identiti. Merujuk pendekatan yang pernah dilakukan oleh dua tokoh falsafah besar dunia Islam; al-Farabi dan Ibn Sina menggunakan konsep takwil bagi merungkaikan kebenaran al-Quran dari perspektif falsafah. Maka, pendekatan kaedah fahaman ini juga digunakan dalam setiap aktiviti dalam aturan adat dan budaya penganutnya. Oleh itu, objek atau material tampak dari segi pentakrifan makna dalam konteks seni visual juga mengalami inti pati pentakwilan bagi membina maksud tertentu.

Maka, konsep ini akan saling bertautan dengan nilai sinkretisme dalam kandungan budaya. Menurut Bennabi (1988) nilai budaya dalam kehidupan ini merupakan hasil asimilasi kepelbagaiannya unsur daripada inti pati budaya lain termasuk unsur-unsur mistik yang mendiami pemikiran kelompoknya. Maka, terjadilah penyerapan sinkretisme secara senyap dan halus yang merupakan saki-baki pemikiran lampau yang diwarisi dibiarkan berterusan menjadi bentuk kebudayaan baharu yang disepakati. El-Muhammady (2012) turut menegaskan permasalahan unsur sinkretisme amat

berbahaya dalam pemikiran Islam jika nilai perbezaan dalam adat dan kebudayaan diterima terus tanpa sebarang tapisan. Sebagai contoh, masyarakat Melayu tradisi sering menggunakan pendekatan tasawuf Islam dalam setiap rekaan seni dengan menambah falsafah wujudiyah yang mengelirukan, seperti konsep wahdatul wujud yang mempunyai elemen panteisme, semata-mata ingin meletakkan hubungan idea tersebut bersama-sama dengan dasar kepercayaan menerusi interpretasi simbol dan metafora.

Hal ini turut dijelaskan oleh Hassan (2003:1–5) bahawa pemikiran orang Melayu mencapai kefahaman abstraksi dan kreativiti mental yang tinggi, halus, beradab dan kompleks. Secara harfiahnya, mekanisme metafora dicerakinkan dengan istilah membayang-bayangkan, seumpama, seperti, seolah-olah bagi menunjukkan hubungan kejadian dengan kekuatan teks atau visual yang digayakan untuk mencipta indikasi makna yang lebih besar. Capaian visual hanya gambaran “kesimpulan” dan bukanlah sesuatu yang maujud, seperti dalam gambaran tersebut. Hanya citra gambaran simbolik yang arbitrari terhadap peristiwa yang telah mengalami proses abstraksi dalam konteks berseni. Secara konseptual, pendekatan sebegini pernah digunakan oleh Hamzah Fansuri pada abad ke-16 hingga ke-17 dengan adaptasi gambaran simbolik visual ikan, perahu dan laut dalam beberapa buah rangkap syairnya bagi menjelaskan konsep idea kesatuan antara manusia dengan Pencipta. Manusia juga ditamsilkan sebagai buih ombak untuk menggambarkan kedudukannya yang kecil berbanding dengan keluasan ilmu keesaan-Nya. (Damanhuri, 2021:56–73)

Budaya mistik sinkretisme melalui reka bentuk visual terjadi kerana ketidakupayaan mencari dasar epistemologi terhadap kewujudan sesuatu fenomena. Oleh itu, bentuk imejan digunakan sebagai perwakilan bagi menandai sesuatu makna tertentu dalam kaedah simbol, ikon atau indeks bagi mencapai gagasan ketuhanan. Inilah bentuk pemikiran utilitarianisme yang terdapat dalam budaya tradisi Melayu. Berbeza dengan segala takrifan seni dalam perspektif estetika Barat, hanya membincangkan dimensi bentuk maujud tanpa unsur *al-Makrifah al-Suffiyah* (kebenaran spiritual) (Nor Azlin, 2008). Orang Melayu menggunakan apa-apa sahaja gabungan konsep pelambangan demi menyokong ke arah membina teras akidah atau pegangan rasa bertuhan. Konsep mengenal aspek ketuhanan diletakkan dalam pelbagai bentuk objek, digayakan dalam amalan adat dan kebudayaan supaya setiap rutin kehidupan mereka sentiasa dipenuhi dengan kesedaran akaliah dan batiniah. Mereka mengaplikasikan maksud ayat “*Maka ke mana sahaja kamu menghadapkan diri, maka disitulah wajah (ada) Allah*” (*Surah Baqarah*, ayat 115). Sehubungan itu, segala kerangka konsep perbuatan dan aktiviti harian bertujuan menghambakan diri kepada Allah SWT.

Keadaan adanya “wajah” pada setiap barang perbuatan manusia dan bukan bermaksud manusia memberi tanda makna kewujudannya yang maujud “wajah” tersebut. Pengertian ini juga difahami dengan menggunakan analogi “bayangan”, terhasil dengan adanya sebarang objek yang membelakangi sumber cahaya. Elemen bayang muncul sebagai tanda dan menjadi indeks kepada kewujudan entiti yang lebih besar. Asy-Syeikh Mohd Shaleh ‘Abdullah Mengkabauw dalam Kitab *Kasyaful Asrar (Pembukaan Segala Rahsia)* (2017) menjelaskan kaedah mengenal Tuhan dengan sifat-sifat-Nya berupa bekas atau kesan sifat-sifat-Nya. Beliau memetik firman Allah SWT dalam Hadis Qursi ertiinya “*Aku menjadikan tiap-tiap suatu supaya mengenal Aku yang ada pada tiap-tiap suatu*”. Istilah “sesuatu” itu meliputi segala deskriptif bidang keilmuan.

Al-Ghazzali (2014) dalam *Minhaj al-Abidin*, menjelaskan bahawa ilmu dan ibadah ialah dua “permata”. Tambah beliau lagi, seharusnya kedua-dua ini terjadi dalam semua perkara dalam kehidupan, seperti apa-apa sahaja yang dilihat, didengar, dirasa, disentuh mesti memperlihatkan wujud keesaan-Nya. Secara kontekstualnya, manifestasi keilmuan yang dianggap mistik dan magis ini mempunyai rangkaian daripada pelbagai ilmu lain yang tidak dicapai secara logik akal serta tidak menyelesaikan keraguan dalam diri. Hakikat proses penciptaan reka bentuk visual dalam konteks tradisi adalah untuk merapatkan hubungan perlakuan manusia yang ramai dalam satu matlamat khusus, iaitu ibadah “melihat” dan nilai “bersama” alam ketuhanan.

Pentakrifan konsep bersifat metafizikal ini terbukti dalam beberapa pemerhatian pengkaji, seperti struktur asas reka bentuk kraf kayu, iaitu ukiran dengan falsafah “*tumbuh berpunca, punca penuh rahsia*”. Elemen “rahsia” ini mengundang perbahasan mistik sinkritisme, Abdullah (1997) menyatakan rahsia (*Sirr*) tersebut sebagai zat Allah SWT. Tambah beliau lagi, pencarian makna konsep ketuhanan inilah yang menjadi teras seni dan kebudayaan orang Melayu. Selain itu, kaedah penghasilan struktur asas penyusunan motif flora dalam bahan kesenian rakyat, seperti songket, keris, rumah, silat, ilustrasi dan iluminasi dalam manuskrip alam Melayu tidak ditinggalkan. Hampir kesemuanya mempunyai kaedah olahan prinsip seragam, pengulangan, lembut beradab, bersatu, tiada penonjolan-kontras dan mempunyai disiplin tertib dengan konotasi sistematik. Srisadono (2012) menyatakan bahawa kekuatan visual tradisi sebagai elemen simbolisasi bertujuan membina persepsi *superealisme*, menyentuh cara-cara menyatakan idea kesempurnaan “syurga” ke dalam konsep realiti dunia. Hakikatnya, visual sakral merupakan artifak fizikal dan mempunyai estetika, lahir daripada manifestasi keyakinan diri, komunikasi, falsafah serta medium kepercayaan.

Dari perspektif yang berbeza, jika ditelusuri kaedah pembuatan atau pelaksanaan aktiviti berkaitan dengan kebergunaan material budaya ini, aspek kepatuhan kepada

ritual tertentu perlu diikuti agar keberkesanannya benar-benar terjadi. Antara amalan ritual yang dipraktikkan bertujuan untuk membangkitkan elemen supernatural, seperti penyediaan senjata api. Wan Mohd Dasuki dan Siti Radziah (2014) menyatakan bahawa ritual yang digunakan untuk membangkitkan semangat ghaib yang bersifat mistik dan magis bertujuan melancarkan pekerjaan kritis, iaitu mengambil nyawa. Diri penembak perlu “dibersihkan” daripada sebarang unsur negatif, begitu juga dengan peralatan-senjata. Tambah beliau lagi, seperti ritual keberkesanan tembakau, senapang perlu dibaringkan di sisi ketika tidur bertujuan mendapatkan keserasian dan penyatuan alam insan (manusia: penembak) dengan *asjam* (jisim: senapang) di samping amalan zikir *ismul zat*, iaitu “Allah” diulang-ulang dalam hati sebanyak 500 kali. Selain itu, bagi penyediaan peluru “penunang”, butir peluru yang telah dipilih kemudian dikecap atau dirasakan dengan hujung lidah bagi mengenal pasti rasa hanyir. Peluru ini “dihidupkan” dengan ritual amalan menyentuh hujung lidah pada hujung butir besi peluru kemudian ditekan pada hujung zakar yang tegang sambil niat. Cara ini mendatangkan kekuatan ghaib dan simbolik perlakuan penembusan peluru ke Sasaran dengan keyakinan niat yang cukup kuat.

Pada peringkat ini, nilai mistik sinkretisme dihubungkan secara ambiguiti antara fahaman mistik tasawuf, budaya dan nilai falsafah yang bercampur-baur. Keyakinan terhadap amalan ritual bagi membangkitkan semangat magis agar berfungsi dan perbuatan ini perlu diulang-ulang demi memastikan nilai kemistikannya berterusan kekal untuk menyelesaikan perkara yang dihajatkan. Antara beberapa contoh lain yang dilakukan oleh masyarakat Melayu di Jawa, iaitu berpuasa *pati geni* bertujuan melemahkan kekuatan nafsu dan digambarkan secara simbolik sebagai unsur api dalam diri manusia. Unsur api ini simbolik kepada makhluk ghaib jin, iblis dan syaitan, yang boleh mendatangkan keburukan kepada manusia. (Mohd Kipli, 2013). Sebelum proses praktikal dilakukan, pengamal perlu membersihkan diri, iaitu mandi dengan “air kembang setaman” (air tujuh jenis bunga) ditambah wangian setanggi atau kemenyan. Amalan puasa *pati geni* dilakukan di tempat sunyi, seperti di gua atau di bilik yang gelap selama tiga hari tiga malam sehingga 40 hari tanpa henti bergantung pada tujuan. Malahan, selama tempoh tersebut pengamal diharuskan membaca wirid *Asma al-Husna*. Selain itu, terdapat juga sebahagian pengamal *ilmu hitam* membaca mantera tertentu bagi menghadirkan kuasa ghaib dengan bantuan jin, iblis dan syaitan.

Polemik dan konflik cara-cara mempraktikkan puasa ini mengundang wacana dalam wilayah sinkretisme. Hal ini kerana pada asasnya niat puasa adalah dengan tujuan baik, yakni mematikan unsur api (nafsu) dalam diri pengamal dan amat digalakkan pada setiap individu beragama Islam. Namun begitu, hukum berpuasa tanpa makan dan minum melebihi 48 jam (dua hari) (*al-Wisol*), seperti puasa *pati*

*geni* adalah tidak dibenarkan. Daripada hadis riwayat al-Bukhari (1964), Ummu al-Mu'minin A'isyah r.a. sendiri telah menyatakan bahawa “*Rasulullah SAW melarang puasa secara berterusan sebagai tanda rahmat (kasih sayang) kepada umat Islam*”.<sup>2</sup> Makna literasinya, jika puasa tersebut dilakukan berterusan tanpa makan dan minum amat ditegah kerana telah melanggar hukum syar'i.

Selain itu, Van Bruinessen (2018) turut menyatakan nilai tradisi Islam yang tumbuh dalam pengajian tradisional saling berinteraksi dengan kebudayaan setempat, lebih terbuka berbanding dengan pemikiran Islam moden. Hal ini dapat dilihat dalam amalan tarekat Qadiriah yang tidak membuang amalan ritual kekebalan tubuh yang dikenali sebagai *debus* di Aceh, Kedah, Perak dan Cerebon. Tarekat Kubrawiah menggunakan kaedah penglihatan batin (*visionary perception*) dengan kehadiran cahaya berwarna-warni sebagai tanda simbolik kesempurnaan unsur rohaniah pengamalnya. Sebahagian ilmuwan melihat hal ini sebagai pengaruh langsung daripada ajaran Tantra Hindu atau Buddha (Van Bruinessen, 2018:231). Tarekat Sammaniah melahirkan kesenian tarian rakyat, iaitu tarian *Saman* mengandungi zikir dan ratib tertentu dipersembahkan bersama-sama dengan persembahan silat dan debus. Tarekat ini juga mengumpulkan penduduk setempat di masjid untuk berzikir setiap malam Isnin dan Jumaat. Sebelum acara dimulakan mereka terlebih dahulu membakar kemenyan dan rumus ayat tertentu untuk memanggil 40 roh suci termasuk roh para pengasas tarekat. Roh-roh ini dipanggil bagi memastikan keselamatan pengamal semasa majlis berlangsung.

## FENOMENA MISTIK SINKRETISME PADA STRUKTUR SEGI EMPAT

Pengkaji melakukan pemerhatian dan menganalisis beberapa struktur ilustrasi visual dalam manuskrip “Pelaga Lembu” dan memperincikan struktur rekaan tersebut bagi memperlihatkan konsep asas struktur segi empat sebagai dasar pembentukan imej seni rupa tradisi. Beberapa imejan wafak dan tanda bab yang terdapat dalam manuskrip difokuskan sebagai sampel kajian. Ilustrasi visual yang dipilih mewakili stilistik geometrik segi empat atau *murabba*. Analisis ini diaplikasikan menerusi tiga peringkat komponen konsep dalam Teori Semiotik Model Inderalogi, iaitu ilmu pengetahuan pancaindera (*al-marifah al-hissiyah*), ilmu pengetahuan intelektual (*al-marifah al-aqliyyah*) dan ilmu pengetahuan spiritual (*al-marifah al-suffiyyah*). Struktur konsep wafak gaya geometrik (*Ilm al-handasa*) segi empat ini terbahagi kepada dua jenis dan kategori menerusi penelitian dalam konteks amalan seni visual.

- (a) Kombinasi elemen rupa tertentu disusun mengikut kerangka struktur segi empat.

(b) Elemen garisan membentuk rupa atau tulisan dengan gaya struktur segi empat.


Pada kategori pertama beberapa reka bentuk ilustrasi telah dikenal pasti berupa reka bentuk ornamen titik bab. Lebih 300 unit ditemui dan merupakan sistem tanda yang digunakan bagi menandai permulaan bab teks. Struktur reka bentuk ilustrasi terbentuk daripada kombinasi lima rupa bulatan, disusun secara bertindih antara satu sama lain dengan kaedah lut cahaya (*translucent*) membentuk persepsi ambiguiti yang saling berkait antara satu sama lain.

Secara amnya, dalam konteks amalan seni visual sesuatu proses pembentukan imejan visual elemen garisan bagi pembinaan struktur asas geometrik diperlukan pada peringkat permulaan. Hal ini bertujuan menentukan kedudukan atau posisi, arah dan penyusunan yang bakal dilakukan benar-benar tepat serta berada dalam jangkauan perancangan. Pada peringkat ini kesedaran terhadap ilmu pengetahuan pancaindera (*al-marifah al-hissiyah*) berperanan sebagai penentu kepada garisan asas yang menjadi tapak pertama, iaitu garisan melintang dan menegak secara bersilang. Maka, persilangan tersebut akan membina satu dimensi baharu secara optikal segi empat akan wujud sebaik sahaja dicadangkan garisan hujung pada garisan bersilang itu disambungkan. Kemudian, kedudukan garisan yang membentuk imejan bulatan akan dipadankan di atas garisan tapak asas segi empat tersebut sebagai panduan penyusunan agar posisi dan prinsip kesimbangan dapat dizahirkan. Dalam pada itu, pada peringkat ini juga kesedaran dan kemahiran terhadap aturan pengiraan atau geometrik matematik amat penting walaupun dalam nisbah yang kecil. Hal ini bagi menentukan olahan garisan asas struktur segi empat yang dilukis secara ilusi optikal tersebut dapat menyediakan panduan bagi membantu kedudukan imejan bulatan yang bakal diposisikan pada bahagian atas benar-benar pada kedudukannya.

Pada peringkat kedua, ilmu pengetahuan intelektual (*al-marifah al-aqliyyah*) yang mengupas persoalan kenapa dalam sistem tanda semiotik memperjelas bahawa sesuatu makna imejan yang terakam melalui deria penglihatan harus mempunyai struktur asas, sebagai kerangka untuk proses pembentukan bahagian-bahagian yang seterusnya. Indikasi kerangka asas ini hanya bermula dengan tanda titik tengah, kemudian dimulai dengan dua garisan yang melintang dan menegak sekali gus bertembung pada bahagian titik permulaan serta berkembang membentuk segi empat pada bahagian hujung secara ilusi optikal. Segi empat asas tersebut merupakan asas kerangka yang telah kukuh dan mewakili keseluruhan struktur baharu yang bakal ditambah kemudian. Dalam konteks ini, dimensi segi empat hadir dengan makna tanda kepada tapak atau struktur panduan yang paling utama bagi pelukis atau manusia untuk penyusunan imejan seterusnya, sama ada secara berganda ataupun struktur abstrak. Bier (2015) menyatakan bahawa sistem geometrik mencerminkan kepintaran dalam aturan beragama, seperti rupa


bentuk Kaabah yang berbentuk kuib, yakni kerangka segi empat dan secara spiritualnya menjadi kiblat orang Islam seluruh dunia. Angka empat atau segi empat turut dinukilkkan sebagai seimbang, lengkap, adil dan ketepatan aturan.

Penerapan nilai dalam premis seterusnya, iaitu ilmu pengetahuan spiritual (*al-marifah al-suffiyyah*) memperlihatkan hubungan makna simbolik segi empat tersebut melalui tiga prinsip utama, iaitu hubungan keseimbangan, pengulangan, aturan atau sistematik dan kesatuan. Konteks pengetahuan pada peringkat ini perlu ditanggapi dengan kalam wahyu sebagai pembimbing dalam nalar ilmu akal. Hal ini kerana al-Ghazali menyatakan bahawa puncak pengetahuan tertinggi bagi menghilangkan keraguan dalam diri terhadap sesuatu kemunculan objek majazi harus merujuk al-Quran. Oleh yang demikian, makna simbolik dan tunggal pada peringkat awal telah mengalami transformasi pada indikasi erti intrinsiknya. Maka, makna daripada prinsip keseimbangan yang pertama dapat dicerakinkan dalam *Surah al-Mulk*, ayat 3, tentang keseimbangan alam semesta yang dijadikan Allah SWT untuk diperhatikan dan dipelajari, *Surah ar-Rad*, ayat 3 tentang keseimbangan siang dan malam. Prinsip pengulangan dapat diperhatikan dalam *Surah ar-Rahman*, ayat 13 tentang nikmat yang diberikan Allah SWT kepada manusia, diulang sebanyak 31 kali. Seterusnya prinsip sistematik, *Surah al-Qamar*, ayat 49 telah menerangkan tentang ukuran dan sistematik proses penciptaan alam cakerawala, manakala prinsip kesatuan dapat diperhatikan dengan jelas dalam *Surah al-Anbiya*, ayat 92 tentang kesatuan dalam beragama dan melakukan ibadah.



**Rajah 1** Analisis ilustrasi visual tanda bab: struktur segi empat dalam manuskrip “Pelaga Lembu” (MS1649).

Rajah 1, memperlihatkan analisis struktur ilustrasi tanda bab yang sering ditemui dalam manuskrip “Pelaga Lembu” ini. Dua contoh reka bentuk ini menggunakan kombinasi imejan bulatan asas yang diolah mengikut sistem struktur asas geometrik segi empat pada lapisan pertama. Olahan asas menggunakan ilusi garisan sebagai kerangka utama melalui garisan menegak dan melintang. Titik tengah antara pertemuan dua garisan bersilang melengkapi dasar utama idea cadangan arah segi empat. Aspek teknikal pengolah amat tersusun, apabila interaksi antara bulatan seimbang dan simetri. Kadar banding saiz antara bulatan juga sama, warna merah dan hitam membentuk rupa saling mengunci (*interlocking*) secara bersilang tindih. Walaupun hanya tanda titik atau tanda bab bagi teks tetapi ketelitian pada proses penghasilan ilustrasi visual bersaiz kecil ini membuktikan daya kreativiti dan ketelitian pengarang-pelukis melaksanakan tanggungjawab untuk menonjolkan sifat “orang pandai” Melayu.



**Rajah 2** Reka bentuk ilustrasi wafak dalam manuskrip “Pelaga Lembu” dan asas struktur segi empat.

Rajah 2, lebih jelas memperlihatkan kepelbagaiannya komponen ilustrasi visual wafak dan abjad mistik yang divisualkan sebagai azimat. Secara konsep, reka bentuk tersebut diolah atas struktur dasar segi empat sebagai kerangka utama yang kemudiannya terpecah kepada lapan dan seterusnya. Asas segi empat tetap boleh dikesan secara ilusi optikal apabila pemerhatian pada setiap elemen dikeluarkan secara berperingkat. Persoalan utama untuk mencapai epistemologi keilmuan ini adalah dengan mengupas unsur tanda geometrik “empat” yang menjadi dasar atau kerangka asas pembentukan azimat. Unsur tanda “lima” merupakan titik pusat atau titik tengah dari garisan bersilang. Hakikat pertemuan empat sisi tersebut berakhir pada titik tengah, mencantumkan atau menggabungkan peranan keempat-empat bahagian tersebut. Unsur tanda “empat” menjadi indikasi penting sebagai pemula, maka pengkaji melihat pertautan tersebut dalam konteks kebergunaan sistem geometrik matematik dan lebih tepat etnomatematik telah lama dipraktikkan di alam Melayu.

Adrian Frutiger (1989) dalam *Signs and Symbols Their Design and Meaning* menyatakan bahawa motif reka bentuk segi empat sebagai objek simbolik kepada elemen persempadanan, seperti sebuah ruang mandiri yang dipagari dinding sebagai pelindung. Tambah beliau lagi, dalam konteks tamadun dan kebudayaan Cina, segi empat bucu merujuk empat bucu permukaan bumi, seperti arah utama dalam sistem kompas, manakala bagi budaya Barat simbolik segi empat lebih merujuk komponen tanda salib yang menjadi teras keimanan penganut Kristian. Selain itu, budaya Greek purba menandainya sebagai simbol kepada tanah, api, air dan udara.

Kefahaman sebegini juga turut dikesan wujud dalam kandungan ilmu hikmah berdasarkan tradisi falsafah dan Islam. Ibnu Sina dalam *Risalah al-Tabi'iyyat* menyatakan bahawa ilmu hikmah merupakan ilmu penyempurnaan jiwa insan dengan meletakkan nilai tasawuf dalam semua urusan dan perkara sehari-hari. Ilmu hikmah juga bermaksud ketetapan dalam perkataan dan amalan; kefahaman kebaikan agama dan dunia kenabian ibu segala kebaikan, ilmu anugerah penyingkap rahsia untuk mendapatkan ilham (Mat Rofa, 2013:67). Ilmu hikmah alam Melayu hadir daripada saki-baki pemikiran yang telah lama bercampur baur dengan falsafah pemikiran Yunani kuno, maka pencampuran ini terus menjadi doktrin kekal untuk menghubungkaitkan teori metafizik, kosmos, matematik, mitos mengikut kefahaman pengarang manuskrip.

Antara manuskrip terkenal termasuklah *Syam al-Ma'arif, Mujarobat Melayu, Senjata Hikmat, Pedukunan Melayu, Kitab Firasat, Petua gajah, lembu, biri-biri, Bintang Dua Belas, Kitab Ubat Melayu dan Perimbon Jawa*. Permulaan sistem struktur reka bentuk berasaskan nombor masuk dalam ketamadunan Islam

hingga ke Nusantara menerusi Thabit Ibnu Qurrah. Beliau menterjemahkan buku *Nikomakhos* kepada bahasa Arab dengan tajuk *Al-Madkhal ila ‘ilm al- Adad*. Falsafah penggunaan nombor matematik meresap dalam falsafah mistik sebagai ilmu hikmah (Shaharir, 2013). Pengkaji melihat dalam pelbagai konteks berasaskan sistem tanda makna visual daripada kerangka semiotik Model Inderalogi pada konsep wacana intelektual dan telah menemukan beberapa dapatan. Pengkaji menyusun semula nilai makna epistemologi tersebut untuk memperlihatkan kedudukan tanda asas “empat” mengikut pengaruh daripada pelbagai kepercayaan yang pernah mendiami kebudayaan Melayu. Antara pengertian simbolik “empat” yang signifikan adalah seperti yang berikut:

**Jadual 1** Makna tanda simbolik struktur asas geometrik “segi empat”.

Bil	Pengaruh dan Sumber	Makna Tanda
1	Hindu-Buddha	Tanah/bumi ( <i>shisti/bhumi</i> ) Air ( <i>ap/jala</i> ), Api ( <i>agni/tejas</i> ), Angin ( <i>marut/pavan</i> ) 4 penjuru dunia; Timur, Barat, Utara, Selatan. 4 tangan Dewa Shiva 4 Sungai syurga menghasilkan 4 pancaran susu dari 4 tebing. 4 veda 4 tahap Perkembangan Zaman 4 tahap Kehidupan
2	Sastera Pali <i>Mahabhatta@Catudhatu</i>	Tanah, Air, Api, Angin
3	Tradisi Jawa	Bumi, Angin, <i>Geni</i> , Langit
4	<i>Taj al-Salatin</i> (Bukhari al- Jauhari, 1603)	Unsur kejadian <i>anasir arba</i> ( <i>arbak</i> ) Tanah, Air, Api, Angin
5	<i>Fi Khalq Samawat Wa al-Ardh</i> (Nur al-Din al-Ranyry, 1620)	4 unsur kejadian nyawa Tanah, Air, Api, Angin
6	<i>Surat Tib Ubat</i> (Muhammad Salleh Ibni Ahmad Penambang, 1860) Samad, 1992/2005)	Segala jenis penyakit berasal dari 4 unsur: Tanah, Air, Api, Angin/hawa 4 sifat Deria Manusia Panas, Kering, Dingin, Basah
7	<i>Martabat Tujuh</i> (MS1514) (Muhamad Yusof al-Jari Ibni Budah, 1922)	Martabat keenam dalam alam <i>Ajsam</i> (jisim); Tanah, Air , Api, <i>Hawa</i>
8	<i>Kitab Seribu Masalah</i> (MS505) Abdullah Ibni Thamud	4 anasir Kejadian Bumi, Air, Api, Angin

Bil	Pengaruh dan Sumber	Makna Tanda
9.	<i>Pengaruh Kristian</i> Annemarie Schimmel	4 sungai mengalir, 4 teks suci,
	<i>Pengaruh Islam</i>	4 kitab suci; Zabur, Taurat, Injil, al-Quran 4 saksi 4 khalifah 4 mazhab
	<i>Tasawuf Kesufian</i>	4 tingkatan Jalan Iman ( <i>Syariat, Tarekat, Hakikat, Makrifat</i> ) 4 alam tingkatan alam
	1. <i>Kitab Bayan Alif</i> (Syeikh Hamzah Al-Fansuri)	<i>Nasut</i> (alam Manusia), <i>Malakut</i> (alam Malaikat) <i>Jabarut</i> (kekuasaan Allah SWT) <i>Lahut</i> (Alam Kesaan/ Ketuhanan) 4 patah perkataan Wahyu Pertama ( <i>Iqra, bi ism, Rabb; Bacalah dengan nama Rabb mu</i> )
	2. <i>Kitab Kasyaful Asrar</i> (As-Syeikh Mohd Salleh Abdullah Mengkabau(q.s)	4 perbuatan utama solat ( <i>Kiyam, Rukuk, Sujud, Tertib</i> ) 4 Perkara Utama Tubuh ( <i>Wadiy, Madiy, Mani, Manikam</i> ) ( <i>Nafas, Anfas, Tanafas, Nupus</i> ) 4 hakikat Tubuh ( <i>Jasad, Hati, Nyawa, Rohani;Rahsia</i> ) 4 pecahan Lafaz Muhammad ( <i>Min Awal, Ha, Min Akhir, Dal</i> )
	3. <i>Faridatul al-Faraaid fi Ilm al-Aqaid</i> (Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain Al Fathani, 1895) (Haji Nik Abdullah Ahmad al-Jambuwi)	4 huruf Allah ( <i>Alif, Lam, Lam, Ha</i> ) 4 pecahan Kalimah <i>La ilaha illa Allah</i> ( <i>La, ilah, illa, Allah</i> ) 4 sifat bagi Allah ( <i>Sifat</i> (tabiat-Nya), <i>Zat</i> (diri-Nya), <i>Afa’al</i> (perbuatan-Nya), <i>Asma</i> (Nama-Nya))
	4. <i>Al-Durr Al-Nafis</i> (Syeikh Muhammad Nafis ibn Idris al-Banjari ,1735)	4 unsur dari Bapa ( <i>Tulang, Kuku, Rambut, Rupa</i> ) 4 unsur dari Ibu ( <i>Darah, Daging, Otak, Lendir</i> ) 4 empat penjuru Kaabah ( <i>Penjuru Syami, Iraqi, Yamani, Hajar Aswad</i> ) 4 gelombang otak ( <i>Beta, Alpha, Theta, Delta</i> ) 4 haknya-isi amanah ( <i>Yang Mati, Hilang, Tinggal, Pulang</i> )
	<i>5. Manhalus Safi</i> (Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani)	
	<i>6. Hidayah As-Salikin</i> (Syeikh Abdul Samad al-Palimbani)	

Bil	Pengaruh dan Sumber	Makna Tanda
		<p>4 jenis hati  <i>(Qalbi Munakkis, Qalbi Suwida, Qalbi Masyfi, Qalbi Murid)</i></p> <p>4 Nafsu utama  <i>(Nafsu Amarah, Sawiyah, Mulhimah, Muthmainnah)</i></p> <p>4 jenis iman  <i>(Iman Badan, Roh, Qalbi, Ilmu)</i></p> <p>4 bangsa dalam Sifat 20  <i>(Wujud, Adam, Hal, Iktibar)</i></p> <p>4 sifat dalam Sifat 20  <i>(Maani, Salbiyah, Nafisah, Maknawiyah)</i></p>
	<i>Kabbala</i>	<p>4 peringkat alam</p> <p><i>Atsilut</i> (alam emanasi)</p> <p><i>Beriah</i> (alam penciptaan)</p> <p><i>Yetsirah</i> (alam pembentukan)</p> <p><i>Asiyah</i> (alam benda kasat mata)</p> <p>4 penjuru angin</p> <p>4 warna alam semesta</p> <p><i>Hitam, Putih, Merah, Hijau.</i></p>
	<i>Hebrew (Daleth: Pintu)</i> Stephen E. Jones (2018)	<p>Material ciptaan Tuhan: Bumi</p> <p>4 jenis makhluk</p> <p>Singa :<i>Behold the King</i></p> <p>Ox: <i>Behold the Servant</i></p> <p>Manusia: <i>Behold the Son of Man</i></p> <p>Malaikat: <i>Behold the Son of God</i></p> <p>4 warna dalam tirai khemah Musa</p> <p>Ungu: <i>Behold your King</i></p> <p>Merah Jambu : <i>Behold the Servant</i></p> <p>Putih: <i>Behold the Son of Man</i></p> <p>Biru: <i>Behold the Son of God</i></p> <p>4 segi (dunia, syurga, keabadian, alam roh)</p>
	<i>Mesir purba</i> Zeinab Feisal Abdel Kader (2012)	<p>4 sebagai inti pati fizikal alam dunia. “Shu”, udara</p> <p>“Tefnut”, kelembapan</p> <p>“Nut” langit</p> <p>“Geb” bumi</p> <p>4 orang anak Horus</p> <p><i>(Imset, Hapy, Duamutef, Kebehsenuf)</i></p>

Semenjak permulaan perkembangan Islam di Nusantara, alam Melayu menerima konsep mistik tauhid dalam Islam melalui ajaran berdasarkan doktrin sufisme melalui kehadiran ajaran tarekat popular, seperti Satariyyah, Nasyabandiyah, Ahmadiyah, dan Qadiriah. (al-Attas, 1992, Zakaria, 2012). Konsep ini menekankan unsur ketauhidan kepada Allah SWT dan dimanifestasikan dalam sebarang unsur kebudayaan setempat. Menurut El-Muhammady (2016) nilai kehidupan rohani, akliyah, pengaruh alam sekitar dan budaya sedia ada menimbulkan makna yang diterima dalam konteks kesenian Islam dan sentiasa “hidup” dalam masyarakat. Identiti bentuk objek dua atau tiga dimensi dalam kesenian tradisi Melayu mempunyai pengaruh tasawuf yang kuat.

Menurut Amdan (2015:1–4), tasawuf ialah ilmu rasa atau ilmu dzauq, pengamal aliran sufi berusaha melalui amalan ritual keagamaan dalam proses “memandang” di sebalik kewujudan material ada unsur “ghaib” yang lebih berkuasa, yang meliputi keseluruhan alam. Oleh itu, mereka yang sedang melalui jalan ini perlu “hilangkan diri” dalam erti kata fana. Aturan fana ini mendekati amalan zuhud. Hal ini merupakan permulaan cara istilah pemikiran tasawuf ini muncul. Menurut Nasution (2004) dalam *Falsafah dan Mistisme dalam Islam* menyatakan aliran tasawuf terlebih dahulu bermula dengan zuhud, iaitu tingkatan “makam” terpenting dalam tasawuf bagi meninggalkan unsur kompleksiti keduniaan.

Al-Ghazzali turut menjelaskan “makam” ini hanya boleh dicapai dengan kaedah sistematik. Dimulai dengan taubat, sabar, *faqr*, zuhud, tawakal, *mahabah*, *marifah* dan *redha*. Oleh itu, aliran tasawuf alam Melayu hadir bagi membina nilai kefahaman konsep minimalisme dalam proses ketauhidan kepada Allah SWT melalui jalan kebudayaan tempatan. Struktur “empat” menjadi simbol mistik yang bersifat minimalis bagi menerangkan sifat dan ciri ketuhanan, seperti kefahaman tentang *nasut* (alam Manusia), *malakut* (alam Malaikat) *jabarut* (kekuasaan Allah SWT) *lahut* (alam keesaan/ketuhanan).


Mat Rofa (2016) menyatakan dalam sistem pengiraan matematik alam semula jadi, asas unsur empat tidak boleh muncul secara lahiriah. Hal ini dibuktikan dalam aturan sistematik Fibonacci oleh Leonardo Fibonacci (0,1, 1, 2, 3, 5, 8, 13, 21, 34, 55, 89...) dengan kuasa nisbah terkecil 1.618 juga dikenali sebagai *Golden Ratio*, diperkenalkan ketika Zaman Keemasan Islam (*Golden Age of Islam*) dan kesan pengaruh keilmuan daripada ahli matematik Islam, iaitu Abu Raihan al-Biruni. Angka numerik secara semula jadi membentuk kerangka numerik pada unsur alam, seperti bilangan kelopak bunga, pecahan daun, karakter pada buah-buahan dan sebagainya.

Hal ini menurut Avila dan Khovanova (2014) dalam *Free Fibonacci Sequences*, angka 4 tidak dapat muncul dalam sistem ini kerana angka 4 terbentuk melalui nilai campuran daripada angka sedia ada seperti 1, 1, 2 dan 3. Jika angka 4 ini digunakan

maka lingkaran nisbah tidak akan tersusun mengikut aturan logik yang sepatutnya dan tidak akan berakhir dengan 1.618. Selain itu, Jowers *et al.* (2010) dalam *A Study of Emergence in The Generation of Islamic Geometric Pattern* mendapati nilai artistik tradisi Islam muncul dalam sistem reka bentuk ornamen seni dan seni bina. Sistem ini menggabungkan unsur kaligrafi, motif dan paten geometrik bagi menghasilkan olahan dekoratif abstraksi, menginterpretasikan idea asas keagamaan yang boleh diterima secara logik akal.


Pengolahan geometrik merupakan asas hubungan dengan undang-undang penciptaan (Daddour, 2012:381). Pada lapisan atas pengolahan dekorasi, visual diilustrasikan dengan berbagai-bagai motif bagi penyataan wujud entiti zahir pada makna kebudayaan. Pada waktu yang sama, kerangka struktur asas “segi empat” yang dianggap mistik kerana penggabungan struktur visual geometriknya yang terbina secara ilusi optikal, tersembunyi di sebalik lapisan permukaan visual dekorasi. Daddour (2012) menjelaskan bahawa fenomena misteri “empat” ini turut muncul dalam konsep reka bentuk *Vesica Piscis*, iaitu kesan imejan dua bulatan visual yang bertembung dengan kaedah pertindihan sebagai makna simbolik perhubungan relatif antara dua konsep; ketuhanan dan makhluk yang mutlak “*Relatively Absolute*”.

Konsep asas geometrik dianggap kunci terpenting kepada permulaan perkembangan blok-blok geometrik seterusnya yang lebih besar dan beragam, seperti corak *Arabes* serta binaan. Sistem kajian dan pemikiran *Vesica Piscis* ini dianggap platonik daripada pengaruh *Pythagoras* serta kepercayaan *Kabbala*. Kesan ilustrasi visual struktur segi empat jelas wujud melalui pengiraan nisbah keemasan (*golden ratio*) dan berakhir dengan nisbah terkecil 1.61803.




**Rajah 3** Struktur A: Geometrik asas: *Vesica Piscis*. Struktur B: Komponen geometrik yang terhasil daripada pertembungan dua bulatan utama.

Konsep geometrik terbentuk daripada unsur ukuran dan pengiraan daripada pemerhatian alam semula jadi. Aspek matematik mendasari lapisan permukaan reka bentuk sebagai tanda ekspresi universal tentang hakikat kebenaran lahiriah. Analisis Semiotik Model Ideralogi membuktikan bahawa setiap rupa geometrik asas, iaitu rupa bulatan dan segi empat menandai simbolik kesatuan sarwajagat daripada sifat besar ketuhanan yang meliputi kesatuan (*unity*) seluruh alam, seperti yang tercatat dalam *Surah al-Nur*, ayat 35 “*Allah ialah nur (cahaya yang menerangi) langit dan bumi*”. Simbol garisan menegak membawa indikasi hubungan segala makhluk dengan Allah SWT dan sebaliknya daripada Allah SWT kepada makhluknya (*hablum minallah*). Struktur garisan asas melintang pula memperjelas hubungan sesama makhluk (*hablum minannas*). Hal ini juga pernah disebut Plato sebagai sains stereometri atau pengukuran ruang (*spatial measurements*). Setiap elemen geometrik memberi kesan refleksi pada sistem, undang-undang daripada disiplin *Divine will* kepada nilai ketepatan pengukuran kehidupan harmoni (*Harmony of Being*). Rumusannya, Plato menyatakan “*God always deal with geometry*” dan al-Quran, *Surah al-Qamar*, ayat 49 telah menerangkan ketetapan ini “... sesungguhnya kami ciptakan segala sesuatu menurut ukuran”.



Rajah 4 Simbolik struktur asas geometrik segi empat alam Melayu.

Sebagai perbandingan terhadap fenomena mistik sinkretisme ini, pengkaji turut melakukan penelitian terhadap motif ragam hias yang terdapat dalam wilayah kesenian tradisi alam Melayu. Reka bentuk motif bunga pecah empat, motif kuih putu pada pola bujang, motif bunga matahari, motif bunga simpoh, motif bunga kemboja, motif pola teluk berantai, motif bunga kekwa, motif pola tampuk manggis yang boleh ditemukan dalam reka bentuk songket, seni tekat, batik, anyaman dan beberapa produk kraftangan yang lain. Pengkaji mendapati bahawa unsur dasar pada setiap reka bentuk mempunyai nilai makna yang signifikan dengan aturan dan prinsip pembentukan rekaan Arabes dalam budaya tradisi kesenian Islam turut membias dalam amalan seni tradisi alam Melayu. Menurut Manja dan Ahmad Suhaimi (1995) kesenian Arabes lahir dalam tamadun yang mahir dengan pelbagai ilmu matematik,



**Rajah 5** Padanan struktur *Vesica Piscis* pada motif pecah empat dalam motif ukiran kayu dan wafak *Khotam Sulaiman*.

logik, astronomi, kosmologi seni bina yang kesemuanya dihasilkan oleh seniman yang dikenali sebagai ahli sufi, ahli sosiologi, ahli matematik dan ahli falsafah.

Menurut Mohammad Nazzri (2016), seni ragam hias memaparkan ciri-ciri perlambangan simbolik dan merupakan alat perhubungan untuk menyampaikan amanat kepada setiap bangsa, merentasi masa serta ruang lingkup kedaerahan serta kebudayaan yang berbeza. Pemikiran alam Melayu telah menyusun, mengolah dan menstruktur semula konsep kefahaman ilmu ketuhanan (tauhid) dalam pelbagai dimensi material kebudayaan sebagai wadah dan citra penghayatan terhadap nilai-nilai keagamaan. Fenomena mistik pada dasar struktur reka bentuk “empat” ini, seperti metafora DNA (*DeoxyriboNucleic Acid*) yang membawa kod rahsia pemikiran orang pandai Melayu dalam penghasilan karya seni. Kearifan terhadap ilmu tasawuf disesuaikan dengan sistem matematik nisbah keemasan (*golden ratio*) pada sisi angka empat telah lama diaplikasikan di Nusantara. Kesan pengaruh pemikiran sinkretisme diterjemahkan dalam aspek teknikal kesenian, diadun bersama-sama dengan nilai keagamaan lalu diimplementasikan untuk penghasilan produk atau karya bagi manfaat masyarakat.

Alam Melayu tradisi mengutamakan prinsip ultilitarian, iaitu prinsip tauhid menjadi tunjang utama dalam setiap lapangan. Jalan atau kaedah membina persepsi tersebut dirancang secara kontekstual, apabila prinsip dan elemen seperti bulatan, segi empat, tanda titik berpusat digandingkan dengan cara pertindihan (*overlapping*) bagi mewujudkan idea interaksi antara dua atau lebih unsur lain yang saling berkaitan dan perlu memerlukan. Kontekstual makna visual yang dihasilkan menggunakan simbolik, metafora, analogi, indeks dan ikon bagi menterjemahkan nilai keilmuan yang dibawa. Galur keilmuan ini disedari dengan lebih mendalam dengan analisis sistematik semiosis daripada Model Inderalogi terhadap visual yang dipilih. Makna tanda sentiasa membina makna baharu dan berkembang hingga ke infiniti. Arah akhir pertemuan makna tanda sentiasa terarah kepada nilai kesedaran *al-makrifah al-suffiyah*, seperti ditekankan dalam konsep ilmu pengetahuan al-Ghazzali.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, unsur kepercayaan mistik dalam reka bentuk visual ilustrasi, khususnya prinsip asas struktur segi empat dalam manuskrip “Pelaga Lembu” membiaskan kesan pengaruh pemikiran sinkretisme daripada pelbagai kebudayaan yang bertapak lebih awal sebelum kedatangan Islam di Tanah Melayu. Segala pengaruh kepercayaan dalam kebudayaan lain diasimilasikan dalam satu bentuk kebudayaan baharu yang disepakati sehingga menimbulkan semangat ambiguiti sekali gus sinkretisme. Nilai keagamaan menjadi dasar utama dalam segala aktiviti kehidupan, termasuk amalan kesenian. Makna-makna yang wujud di sebalik ilusi

optikal segi empat ditandai dengan doktrin kepercayaan dalam resam falsafah mistik sehingga mencarik hukum akal dan membawa kepada unsur yang batil. Ketidakupayaan menterjemahkan nilai makna yang terselindung ini turut menjadi dogmatik terhadap hal-hal yang sering dikaitkan dengan supernatural. Kearifan masyarakat Melayu menitikberatkan hal ini (simbol segi empat) dalam segenap bidang ilmu, bermula daripada pemikiran yang dititipkan dalam manuskrip hingga menjadi DNA utama pada setiap konsep rekaan seni rupa.

## NOTA

- 1 Naskhah asal masih dalam simpanan waris Nik Mohamed Nik Mohd Salleh dan tidak didedahkan kepada mana-mana individu kecuali salinan yang disimpan di Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, PNM.
- 2 Lihat Irsyad al-Fatwa Ke-156: Hukum Puasa Secara Wisol (Bersambung) dalam laman sesawang musftiwp.gov.my.

## PENGHARGAAN

Makalah ini merupakan sebahagian kajian yang telah dikembangkan daripada tesis Ijazah Doktor Falsafah (Phd) Kesenian Alam Melayu di Akademik Pengajian Melayu, Universiti Malaya, atas tajaan geran pengajian (USM-SLAB) Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

## RUJUKAN

- Al-Quran Tajwid Warna dan Terjemahan.* (2012). Humaira Bookstore Enterprise. KDN: PQ/Q. 1001/2.2/QA/438/72/2012.
- A. Aziz Deraman. (2001). *Tamadun Melayu dan pembinaan bangsa Malaysia.* Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Muhammed. (1997). Penggunaan simbol-simbol dalam kosmologi dan kesenian. Dlm. Wan Abdul Kadir & Hashim Awang AR (Eds.) *Seni dan Kosmologi; Kosmologi Islam dalam Kesenian Melayu.* Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Adrian, Frutiger. (1989). *Sign and symbols: Their design and meaning.* (Andrew Bluhm, Terj.). Van Nostrand Reinhold.
- Al-Attas, Syed Hussein. (1992). *Intelektual masyarakat membangun.* Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Ghazzali. (2014). Minhaj Al-Abidin, petunjuk jalan bagi orang-orang ahli Ibadah. Dlm Abu Mazaya Al-Hafiz (Terj.). Jahabersa.
- Amdan Hamid (ed.). (2015). *Pembuka segala rahsia; As-Syeikh Mohd Salleh Bin Abdullah, Mengkabau (q.s).* Jahabersa.
- Anwar Din. (2016). *Asas kebudayaan dan kesenian Melayu.* Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Asy-Syeikh Mohd Shaleh ‘Abdullah Mengkabauw. (2017). *Kasyaful Asrar (Pembuka Segala Rahsia)*. al-Hidayah House of Publishers Sdn. Bhd.
- Avila, Brandon & Khovanova, Tanya. (2014). Free Fibonacci Sequences. *Journal of Integer Sequences*, 17, 1–18.
- Bennabi, Malek. (1988). *Islam and history of society*. Asma Rashid (terj.). Islamic Research Institute.
- Bier, Coral. (2015). *Geometry in Islamic Art. Encyclopaedia of the history of science, technology, and medicine in non-western cultures*. [https://doi.org/10.1007/978-94-007-3934-5\\_10111-1](https://doi.org/10.1007/978-94-007-3934-5_10111-1)
- Daddour, Loai M. (2012). *Geometric Proportions: The underlying structure of design process for Islamic geometric patterns* (p.381). Higher Education Press Limited Company. Production and hosting by Elsevier B.V. Allrights reserved [http://dx.doi.org/10.1016/j.foar.2012.08.005:381](http://dx.doi.org/10.1016/j.foar.2012.08.005)
- Damanhuri. (2021). Hamzah Fanshuri tentang konsep wujud. *Jurnal Pemikiran Islam*, 1(1), Januari-Juni 2021. <https://jurnal.ar-raniry.ac.id/index.php/jpi>
- Dudung Abdurrahman. (2004). Pendidikan mistikal: Satu upaya ke arah pencapaian kualitas diri yang intergratif. *Jurnal Mimbar*, 20(2), 149–163.
- Echols, John M. & Shadily, Hassan (1996). Kamus Inggris-Indonesia. Cetakan XXIII, Gramedia Pustaka Utama.
- Endraswara, Suwardi. (2014). *Mistik kejawen, sinkretisme, simbolisme dan sufisme dalam budaya spiritual Jawa*: Penerbit Narasi (Anggota IKAPI).
- El-Muhammady, Muhammad Uthman. (2012) *Pluralisme agama: Beberapa persolaan dilihat dari pandangan arus perdana Islam dalam pluralisme agama: Satu gerakan iblis memurtadkan ummah*, pp.139-157. MUAFAKAT.
- El-Muhammady, Muhammad Uthman. (2016). *Ajaran tasawwuf ulama' Nusantara*. Abdul Razak Mahmud (Ed.). Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Hassan Ahmad. (2003). Metafora Melayu: Bagaimana pemikir Melayu mencipta makna dan membentuk epistemologinya. *Monograf Akademik Kajian Ketamadunan*. Kompleks Dar al- Hikmah.
- Hemenway, P. (2008). *The secret vode: The mysterious formula that rules art, nature, and science*. Taschen GmbH: Evergreen.
- Jowers, Iestyn, Prats, Miquel, Eissa, Hesham & Ji-Hyun Lee. (2010). A Study of Emergence in The Generation of Islamic Geometric. *New Frontiers: Proceedings of the 15th International Conference on Computer-Aided Architectural Design Research in Asia CAADRIA 2010*, 39–48. Association for Research in Computer-Aided Architectural Research in Asia (CAADRIA).
- Manja Mohd. Ludin & Ahmad Suhaimi Mohd Nor. (1995). *Aspek-aspek kesenian Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Martin Van Bruinessen. (2018). *Islam di Nusantara: Kitab kuning; Pesantren dan tarekat*. Al-Mustaqeem M Radhi (Terj.). IBDE Ilham. Sdn. Bhd.
- Mat Rofa (Ed). (2013). Ilmu hikmah dalam kajian etnosains dan etnomatematik alam Melayu. Dlm. *Etnosains dan etnomatematik alam Melayu*. Universiti Malaya.

- Mat Rofa. (2016). Dalam kuliah *Ajaibnya Matematik* di INSPEN. Universiti Putra Malaysia. pada 9 Mei 2016.
- Mohammad Nazzri Ahmad. (2016). *Falsafah seni ukiran kayu Melayu*. (Tesis Phd tidak diterbitkan). Akademi Pengajian Melayu. Universiti Malaya.
- Mohd Kipli Abdul Rahman. (2013). The kuda kepang mabuk ritual dance: Symbolic initiation into a mystical journey. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 6(2), 190-209. Retrieved from 10 Ogos 2022.
- Nasution, Harun. (2004). *Falsafah dan mistisme dalam Islam*. Pt. Bulan Bintang.
- Nor Azlin Hamidon. (2008). *Calligraphy painting in Malaysia: Clarification as an art tradition*. (Tesis Ijazah Doktor Falsafah tidak diterbitkan). Fakulti Seni Lukis & Seni Reka. Universiti Teknologi Mara.
- Patter.B. Dave, A. I. Li, N. Gu, H.-J. Park (Eds.). (2010). *New Frontiers: Proceedings of the 15th International conference on computer-aided architectural design research in Asia CAADRIA 2010*, ( pp.39–48), Association for Research in Computer-Aided Architectural Research in Asia (CAADRIA), Hong Kong.
- Reese, William L. (1980). *Dictionary of philosophy and religion*. Humanities Press Inc.
- Ros Aiza Mohd Mokhtar & Che Zarrina Saari. (2016). Sinkretisme dalam adat tradisi masyarakat Islam. *Jurnal Usuluddin*, 43, (Januari–Jun), 69–90. DOI:10.22452/usuluddin.vol.43no1.3
- Schimmel, A. (2004). *Misteri angka-angka: Dalam berbagai peradaban kuno dan tradisi agama Islam*, Yahudi dan Kristen. Pustaka Hidayah.
- Seyyed Hossein Nasr. (1997). *Pengetahuan dan kesucian*. Pustaka Pelajar.
- Shaharir Mohd Zain. (2013). Unsur asasi jirim dalam sains Melayu sebelum dipengaruhi Barat. Dlm. *Etnosains dan etnomatematik alam Melayu*. Universiti Malaya.
- Simuh. (1996). *Sufisme Jawa: Transformasi tasawuf Islam ke mistikal Jawa*. Cetakan 2, Bentang.
- Srisadono, Y.D. (2012). Konsep ‘sacred space’ dalam arsitektur gereja katolik. *Jurnal Melintas*. 28(2). DOI: <https://doi.org/10.26593/mel.v28i2.282.182-206>
- Stephen E. Jones. (2018). *The biblical meaning of numbers from one to forty*. God’s Kingdom Ministries.
- Syed Ahmad Jamal. (1992). *Rupa dan jiwa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Abdul Kadir Wan Yusoff & Zainal Abidin Borhan. (2006). *Ideologi dan Kebudayaan Kebangsaan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Mohd Dasuki & Siti Radziah. (2014). Kearifan Melayu dalam pembinaan konsentrasi dan ketepatan: Aplikasinya dalam ritual menembak. Dlm. *Merekayasa kearifan tempatan: Budaya, pelancongan, arkeologi dan sejarah*. Nazarudin Zainun & Darlina Md. Naim (Eds.) Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Zakaria Stapa. (2012). *Pendekatan tasawuf dan tarekat wadah pemerkasaan jati diri ummah*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zeinab Feisal Abdel Kader (2012) Reflections of number symbolism on egyptian sacred architecture. *Engineering Research Journal*. Doi: 10.21608/Erjm.2012.67177